

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pendidikan Islam (1223/2) mengandungi lima soalan yang wajib dijawab oleh calon dan tidak ada soalan pilihan. Kertas soalan ini meliputi bahagian berikut:

- Soalan 1 a. Bariskan Ayat Al-Quran
 b. Pemahaman Ayat.
 c. Pemahaman Hadis.
- Soalan 2 a. Hukum Tajwid.
 b. Pemahaman Hadis.
 c. Pemahaman Ayat Hafazan.
- Soalan 3 a. Susun Ayat Hafazan mengikut tertib.
 b. Pemahaman Ayat.
 c. Menjawab Petikan.
- Soalan 4 a. Isi tempat kosong dengan petikan ayat hafazan
 b. Pemahaman Ayat.
 c. Pemahaman Ayat Hafazan.
- Soalan 5 a. Hukum Tajwid dan cara bacaan
 b. Pemahaman Hadis.
 c. Menjawab keratan/perkataan bergaris.

Masa yang diperuntukkan ialah satu jam empat puluh minit. Soalan dicetak dalam dua versi iaitu rumi dan jawi. Calon dibenarkan menjawab soalan sama ada dalam tulisan jawi atau dalam tulisan rumi.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan, tahap pencapaian calon adalah baik. Calon dapat memahami dan menjawab soalan dengan baik dan tepat mengikut peraturan pemarkahan serta melebihi isi yang dikehendaki oleh soalan. Bagi calon sederhana, mereka dapat memahami kehendak soalan tetapi kurang isi serta idea ketika mengemukakan jawapan yang tepat terutama pada ayat hafazan dan menjawab tulisan rumi. Calon lemah pula bukan sahaja tidak memahami kehendak soalan malahan ada segelintir calon yang hanya menyalin soalan atau tidak menjawab soalan yang dikemukakan.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon memahami kehendak soalan dan dapat menjawab dengan tepat mengikut peraturan pemarkahan. Fakta jawapan yang diberi melebihi daripada kehendak soalan. Keadaan ini menunjukkan calon dalam kategori ini sentiasa mengikuti pendedahan isu-isu semasa dan rajin mengkaji untuk menambahkan pengetahuan dan maklumat sedia ada.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon kumpulan ini dapat menguasai pengajaran dan pembelajaran seperti dalam Sukatan Pelajaran. Jawapan mereka menepati kehendak soalan, Isi jawapan calon walaupun banyak pilihan tetapi terdapat pengulangan fakta. Hal ini menunjukkan calon kurang pendedahan tentang isu-isu semasa atau kurang membuat kajian untuk menambahkan pengetahuan dan maklumat yang sedia ada.

Calon Dalam Kumpulan Rendah


Calon dalam kumpulan rendah tidak dapat menjawab keseluruhan soalan dengan baik. Calon juga tidak menguasai pengetahuan dan kemahiran serta tidak memahami kehendak soalan. Jawapan calon terlalu ringkas, terkeluar daripada kehendak soalan atau menyalin soalan tanpa jawapan.

PRESTASI TERPERINCI

1. Ayat Hafazan

Bahagian ini merangkumi soalan (1a) yang berkaitan dengan membariskan ayat, soalan (3a) menyusun ayat dan soalan (4a) melengkapkan ayat atau mengisi tempat kosong dengan kalimah yang betul.


a. Membariskan ayat hafazan.



Contoh jawapan yang baik.


Calon dapat membariskan ayat hafazan dengan betul termasuk tanda mad dan syaddah. Jawapan calon menepati kehendak peraturan pemarkahan. Calon juga menguasai kemahiran meletakkan tanda baris pada ayat hafazan dan mereka juga menguasai kemahiran menghafaz ayat tersebut dengan baik. Walaupun terdapat kesalahan baris tetapi jawapan calon masih menepati kehendak peraturan pemarkahan.

Contoh jawapan sederhana;



Calon tidak dapat membariskan ayat dengan baik. Mereka tidak berhati-hati untuk meletakkan tanda baris dalam ayat. Tanda baris yang diletakkan ada kalanya mengikut kehendak hati sendiri dan tidak menepati kehendak peraturan pemarkahan. Calon juga kurang menguasai kemahiran membariskan ayat kerana mereka tidak hafaz ayat tersebut dengan sempurna. Keadaan ini menyebabkan calon tidak berjaya mendapat markah penuh.


Contoh jawapan lemah:



Calon tidak dapat membariskan ayat pada keseluruhannya kerana mereka tidak menguasai kemahiran menghafaz dan meletakkan tanda baris pada ayat tersebut. Oleh itu, dicadangkan calon mestilah menguasai kemahiran menghafaz, meletakkan tanda pada baris dan menulis semula ayat hafazan tersebut.


b. Menyusun semula ayat hafazan mengikut tertib.

Contoh jawapan yang baik.




Calon ini dapat menguasai ayat hafazan dan dapat menyusun ayat dengan sempurna dan menepati kehendak peraturan pemarkahan.

Contoh jawapan sederhana.



Calon kurang menguasai kemahiran menghafaz ayat hafazan menyebabkan berlaku kesilapan dalam menyusun ayat hafazan. Calon juga menyusun ayat hanya berdasarkan tekaan sahaja menyebabkan calon gagal memperoleh markah penuh. Oleh itu, dicadangkan calon mestilah menguasai kemahiran menghafaz dan menulis semula ayat hafazan tersebut.


Contoh jawapan lemah.



Calon tidak dapat menguasai ayat hafazan dan tidak dapat menyusun ayat dengan betul. Keadaan ini menyebabkan calon gagal memperoleh markah.


c. Melengkapkan ayat hafazan.

Contoh jawapan yang baik:




Calon boleh menulis kalimah ayat hafazan dengan betul dan sempurna. Calon dapat menguasai kemahiran menghafaz ayat hafazan tingkatan empat dan mampu menulis semula dengan betul sebagaimana yang dikehendaki dalam peraturan pemarkahan.

Contoh jawapan sederhana:



Calon tidak menguasai kemahiran menghafaz ayat hafazan dengan sempurna. Oleh sebab itu, berlaku kesalahan ketika menulis kalimah ayat hafazan, contohnya tertinggal huruf, menambah huruf dan tidak meletakkan titik pada huruf-huruf tertentu. Terdapat juga calon yang menulis kalimah dengan huruf cerai.

Contoh jawapan lemah;



Calon tidak dapat menulis kalimah dengan betul. Ada juga calon yang tidak menjawab soalan tersebut. Calon tidak menguasai langsung kemahiran menghafaz dan menulis semula ayat hafazan. Dicadangkan calon mestilah menguasai kemahiran tersebut dengan sempurna.

2. Kefahaman Ayat.

Bahagian ini mengandungi lima soalan iaitu soalan 1b, 2c, 3b, 4b dan 4c.

Contoh Jawapan Yang Baik:

1b)j	Perkataan yang dititikan oleh Islam berkaitan ayat Fardhi
	lelah larangan mempersembahkan kepada Allah -
i) Tidak membayar zakat.	
ii) Makan di atasnya rumah / rumah / rumah	
iii) Zina zina zina	
iv) Bangsa manusia	
v) Menghina orang yang berakhlak	

Calon memahami kehendak soalan. Mereka dapat menjawab dengan tepat dan tersusun mengikut kehendak peraturan pemarkahan. Isi jawapan yang dikemukakan lebih daripada yang dikehendaki oleh soalan.

Contoh Jawapan Sederhana:

i) Tiga tanggungjawab manusia sebagai Khalifah di muka bumi
- Beribadat kepada Allah
- Melakukan segala suruhan dan menaati larangan-Nya.
- Menuntut ilmu.

Calon memahami kehendak soalan. Calon dapat menjawab soalan tetapi antara isi jawapannya didapati berulang. Isi jawapan calon kurang menepati kehendak peraturan pemarkahan seperti yang disediakan oleh LPM. Isi jawapan calon juga terhad dan tidak cukup untuk membantu jawapan kerana isi jawapan calon berulang.

Contoh Jawapan Lemah:

b) Dua orang yang bersama telah:-
(a) hidup bersama di atas Allah swif
(b) hati yang sentiasa berakhlak.
(c) hidup terpengaruh dengan fikiran syaitan.
(d) hidup terpengaruh dan terpengaruh dengan masyarakat dan peradaban dunia.

Calon tidak memahami kehendak soalan. Jawapan calon agak menyeleweng daripada kehendak soalan. Calon tidak berjaya memperoleh markah seperti yang diperuntukkan.

Contoh Jawapan Lemah:

(a)	Dua cara berdoa sah:-
(a)	Doa selepas melakukan solat
(b)	Doa selepas mengaji Al-Quran
(c)	Doa ketika membuat solat - flat surah.

Calon keliru dengan kehendak soalan. Kehendak soalan "cara berdoa", tetapi calon menjawab "masa berdoa". Calon tidak berjaya mendapat apa-apa markah.

Contoh Jawapan Lemah:

c)

(i)	Tawakal bermaksud bertawakal kepada yang Maha Esa dengan apa yang berlaku dan yang bakal berlaku
(ii)	Beriktikah dan Beriktizan - Sabar dalam menayakan datuak Islam - bersyukur.

Calon tidak memahami kehendak soalan. Walaupun mereka berusaha untuk menjawab, tetapi jawapannya salah.

3. Hukum Tajwid

Bahagian ini mengandungi soalan (2a) iaitu memilih kalimah dalam petikan ayat yang bertepatan dengan hukum tajwid dan soalan (5a) iaitu menyatakan hukum tajwid serta cara bacaannya pada kalimah yang bergaris.

a. Memilih kalimah dalam petikan ayat yang bertepatan dengan hukum tajwid.

Contoh Jawapan Baik:

2. a)	i) Alf Lam Gamakah	:	قال المولى
	ii) Iftak karkahi	:	من قوره
	iii) Ma'jazi: Mumfasi	:	هدايتنا
	iv) Iftar Syafawi	:	عاقبوا

Calon dapat menguasai asas-asas hukum tajwid dan faham akan kehendak soalan. Calon dapat menjawab soalan dengan baik dan mendapat markah penuh..

Contoh Jawapan Sederhana:

2. a) i) Alif Lam Qamariah -	إِلَّا تَسْرِمُنَاكُمْ
ii) Ikhfak Makiki -	كَفَرُوا وَأَمِينٌ قَوْمِهِ
iii) Mad Jaiz Munfasil -	مَلِكُنَا مَا سَمِعْنَا
iv) Isker Syafawi -	عَلَيْكُمْ وَلَوْ شَاءَ

Calon kurang menguasai asas-asas hukum tajwid. Calon masih keliru menjawab antara hukum Alif Lam Qamariah dengan Alif Lam Samsiah, Mad Jaiz Munfasil dengan Mad Wajib Muttasil. Terdapat juga calon memilih jawapan daripada petikan soalan dengan panjang (lebih dari tiga kalimah) tanpa menggariskan tempat yang dikaitkan dengan hukum seperti kehendak soalan. Keadaan seperti ini juga tidak dapat diberikan markah.

Contoh Jawapan Lemah:

2. a) i) فَتَوَجَّهَ	فَتَوَجَّهَ
ii) تَبَعُوا	تَبَعُوا
iii) وَرَبِّهِمْ	وَرَبِّهِمْ

Calon tidak menguasai asas-asas hukum tajwid. Calon menjawab hanya mengikut gerak hati sendiri. Jawapan seperti ini tidak mendapat markah.

b. Soalan menyatakan hukum tajwid kalimah yang bergaris dan cara bacaannya.

Contoh jawapan baik:

(a) قَبْرُهُمْ - Igham hafizi - Dibaca sebanyak dengan jelas, nyata dan terang.
كَفَرُوا وَأَمِينٌ قَوْمِهِ - Igham Mutamasilin Maalikhunnah - hendak dibaca dengan berdensung
عَلَيْكُمْ وَلَوْ شَاءَ - Mad Silah Tamatlah - Dibaca sebanyak lima kali

Calon dapat menguasai hukum-hukum tajwid dan cara bacaan hukum-hukum tersebut. Mereka boleh menyatakan dengan tepat dan mendapat markah penuh.

Ccontoh Jawapan Sederhana:

2) (1) قِنْوْمٌ - zalqalah syghra, Madlin + bacaan 2
harakat

(6) كَمِيْنٌ - Izhhar syafa Izhg Ithgam Idgham
mistah/bacaan dengung.

(3) سُوْرٌ - Mad silah / Tayilah = bacaan 2/4/6
harakat

Calon kurang menguasai hukum tajwid dan cara bacaannya. Calon memberikan jawapan berdasarkan apa yang mereka tahu, tanpa mengikut kehendak soalan. Calon keliru memberikan jawapan Izhhar Halqi dengan Izhhar Shafawi, Mad dan lain-lain hukum tajwid yang berkaitan. Ada sebilangan murid yang memberikan jawapan hukum tajwidnya betul tetapi cara bacaannya pula salah. Calon seperti ini hanya mendapat sebahagian sahaja markah daripada yang diperuntukkan oleh soalan.

Ccontoh Jawapan Lemah:

5. a) 1) Izhhar Halqi - bacaan tidak dengung!
~~syafawi~~

2) Izhhar Syafawi - Membacaan bacaan syafawi 'pa' salah

3) Mad = Membaca panjang.

Calon hanya menguasai sebahagian kecil sahaja daripada hukum-hukum tajwid dan cara bacaannya. Calon hanya berjaya menjawab satu sahaja pecahan soalan dan mendapat sedikit markah daripada yang diperuntukkan oleh soalan.

Ccontoh Jawapan Lemah:

1) قِنْوْمٌ hukum tajwid:- Izhhar Maalahannah
cara bacaan :- dengung

كَمِيْنٌ hukum tajwid:- Izhhar Syafawi
cara bacaan: tidak dengung

سُوْرٌ hukum tajwid :- Alif lam Gamariah
cara bacaan: panjang dan dengung

Calon tidak menguasai langsung hukum tajwid. Mereka cuba menjawab soalan berdasarkan pengetahuan yang ada tanpa mengikut kehendak soalan. Calon sedemikian tidak mendapat apa-apa markah.

4. Kefahaman Hadis.

Pemahaman Hadis merupakan salah satu bahagian yang terdapat dalam sukatan baru subjek Pendidikan Islam. Dalam kertas ini calon diwajibkan menjawab tiga soalan yang berkaitan dengan pemahaman hadis iaitu dalam soalan 1c, 2b, dan 5b.

Contoh jawapan yang baik (1):

e) 3 cara mengurus masa belajar dgn baik ✓	6/6
- Menghendarkan diri daripada sibuk beribadat melakukan kerja	
- tidak menengokkan waktu yang terluang dengan perkara yang tidak membekal fikiran sebaliknya memanfaatkan setiap masa yang ada untuk menelaah pelajaran	
- mengurus masa dengan efisien seperti memperuntukkan waktu-waktu untuk belajar, bersadah, berehat, beribadat dan mengunyah pelajaran dengan teratur supaya fit sudi dapat dibekalkan dengan sempurna.	

Contoh jawapan yang baik (2):

i) 2 di makanan yang baik ✓	4/4
- Makanan yang halal yang diperolehi dengan cara yang baik	
- Makanan yang mempunyai nilai khasiat untuk tubuh badan	
ii) 3 hikmah memilih makanan yang baik ✓	6/6
- Dapat menjaga keawakan akal fikiran	
- Dapat meniadakan kesihatan tubuh badan	
- Supaya mendapat keberkatan dan pahala kerana mengamalkan syarat Islam.	
- Dia mudah dipertanggungjawabkan oleh Allah.	

Calon dapat memahami kehendak soalan dan berjaya menguasai sukatan pelajaran dengan baik. Calon dapat mengemukakan isi jawapan dengan tepat serta menepati dengan kehendak peraturan pemarkahan yang disediakan oleh LPM.

Contoh jawapan sederhana:

k)no Membuat jadual waktu untuk belajar ✓	4/6
no Pandai menguruskan masa atau mengaturkan masa untuk belajar.	
no berkongsi pendapat dengan kawan.	
no Belajar dalam kumpulan	
no Sentiasa bertawakal.	
no Kita disuruh menuntut ilmu dengan sebaiknya	

Calon dapat memahami kehendak soalan. Calon dapat menjawab soalan yang diberikan tetapi isi jawapannya berulang dan kurang tepat dengan kehendak peraturan pemarkahan. Terdapat calon yang tidak dapat membezakan antara maksud “menguruskan masa” dengan maksud “menggunakan masa”, “Hikmat memilih makanan yang baik” dengan “ciri makanan yang baik”. Isi jawapan calon juga tidak lengkap. Sekiranya ada isi jawapan tetapi ada yang berulang.

Contoh jawapan lemah:

b) i) 1) Mengumpul antara satu sama lain
2) Memulau pelajar lain yang mereka fikir berada pada tahap yang rendah
3) Permusuhan satu antara satu sama lain dan seterusnya menyebabkan pergaduhan
4) Berlaku wasur peripuan dan bahaya ketawa silap menentingkan diri sendiri.

Calon tidak dapat memahami kehendak soalan. Jawapan yang dikemukakan tidak tepat dan tersasar daripada peraturan pemarkahan yang disediakan LPM. Terdapat calon yang tidak menjawab soalan ini atau hanya menyalin soalan sahaja.

5. Menjawabkan tulisan rumi

Soalan ini wajib dijawab oleh calon dengan menukarkan tulisan rumi ke dalam tulisan jawi. Bahagian ini meliputi soalan 3c dan 5c soalan.

Contoh jawapan yang baik:

الله سبحانه وتعالى مقررناكن عقل كهد مانسي سوقايا
مريك منجادي / مخلوق، نخر استيموا برينديغ مخلوق ر نخر
ادنين / ملالوي عقل مانسي بر فيكير، براوسها دان مريك
حيقتا / سواتو نخر بوليه صيد منيكنكن تارق ويدوقن / كيت
دسورو مونتوت علمو باكي مقررناكنكن / داي فيكير ملاكوكن
قراوين دان منيكنكن تارق ايكوتومي دان سوسيال /


Calon dapat menguasai sepenuhnya tulisan jawi dengan baik mengikut kaedah tulisan jawi terkini. Calon dapat menulis semula petikan rumi ke dalam tulisan jawi dengan sempurna, kemas dan teratur. Calon juga dapat membezakan konsonan atau kosa kata yang dipinjam daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Contohnya kalimah “ fikir “ dieja dengan

(فيكبير) sepatutnya dieja (سوفي) sepatutnya dieja (سوفي).

Contoh jawapan sederhana:

Calon dapat menguasai tulisan jawi dengan baik tetapi masih terikat dengan kaedah tulisan jawi lama. Calon masih boleh membezakan huruf (ع) dengan (ا), (ق) dengan (ك), (ف) dengan (ف). Ada kalanya calon menambahkan atau mengurangkan huruf semasa menjawikan tulisan rumi. Contohnya perkataan “ faham “ dieja dengan (فاهم) walhal sepatutnya dieja dengan (فهم). Perkataan “ supaya “ dieja dengan (سوفي) walhal sepatutnya dieja (سوفي).

Contoh jawapan lemah:



Calon tidak dapat menguasai tulisan jawi. Calon cuba menjawab soalan tetapi tidak dapat menulis dengan baik. Tulisannya tidak boleh difahami. Kesalahan yang dilakukan amat ketara menyebabkan calon gagal memperoleh sebarang markah.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu menguasai semua tajuk dalam sukatan pelajaran tingkatan empat dan tingkatan lima .
2. Elakkan daripada meramal tajuk-tajuk tertentu sahaja.
3. Calon digalakkan menghafaz ayat-ayat hafazan tingkatan empat dan tingkatan lima sejak awal tahun lagi dan jadikan sebagai bacaan dalam solat lima waktu.
4. Banyakkan latih tubi menulis dan membariskan ayat hafazan yang terdapat dalam sukatan pelajaran.
5. Calon hendaklah menguasai asas-asas hukum tajwid secara keseluruhan untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran dan meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan.
6. Calon perlu memberikan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran pemahaman ayat dan pemahaman hadis .
7. Calon hendaklah menggunakan buku teks sebagai bahan asas rujukan semasa mengikut pengajaran dan pembelajaran guru, manakala buku-buku rujukan luaran dijadikan sebagai tambahan untuk memantapkan jawapan dalam peperiksaan.
8. Setiap kerja susulan yang diberi oleh guru perlu disiapkan oleh calon.
9. Calon hendaklah menyediakan nota ringkas pada setiap tajuk yang ada dalam sukatan pelajaran tingkatan empat dan tingkatan lima.
10. Untuk mengatasi kelemahan dalam tulisan jawi, calon hendaklah berusaha menguasainya sejak peringkat awal pendidikan lagi.

11. Calon perlu melaksanakan latihan tubi membaca dan menulis jawi dengan ejaan yang baru.

SARANAN KEPADA GURU.

1. Pastikan guru menyelesaikan sukatan pelajaran seperti yang dirancang.
2. Guru perlu mendedahkan kesemua tajuk dalam sukatan pelajaran.
3. Guru perlu memberi pendedahan dengan jelas istilah-istilah yang sukar difahami.
4. Guru perlu memantau kerja-kerja calon untuk memastikan pencapaian dalam peperiksaan meningkat.
5. Guru perlu mengadakan program “celik jawi” untuk mengatasi masalah calon yang lemah dalam menulis jawi.
6. Guru perlu menggunakan tulisan jawi dalam kesemua aktiviti yang berkaitan dengan subjek Pendidikan Islam.
7. Guru perlu memberi pendedahan tentang teknik menjawab soalan Pendidikan Islam dengan jelas.
8. Guru perlu membimbing calon membuat nota ringkas dan peta minda untuk membantu calon mengingati fakta dan istilah penting dalam sukatan pembelajaran.
9. Guru perlu sentiasa mengadakan ujian topikal dan latihan tubi intensif yang terancang untuk membantu calon.
10. Guru perlu membiasakan dengan pembinaan item sebagaimana format soalan SPM.
11. Pengajaran guru perlu dikaitkan dengan isu semasa untuk memantapkan jawapan calon.